

K. P.U. 5.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU
(MAJLIS PERBANDARAN KULIM) 2009

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Lesen memelihara haiwan
4. Tempoh Lesen
5. Budi bicara Yang Dipertua
6. Kandungan Lesen
7. Lesen hendaklah dipamerkan
8. Pelanggaran Undang-Undang Kecil atau terma dan syarat
9. Fi lesen
10. Permit untuk memindah atau mengangkut haiwan
11. Haiwan yang merayau
12. Kuasa untuk mengkompaun
13. Keperluan kesihatan dan kebersihan
14. Kuasa memasuki premis
15. Kuasa mengenetepikan Undang-undang Kecil
16. Menghalang pegawai semasa menjalankan tugas
17. Kuasa menangkap
18. Tiada tanggungan ke atas Majlis atau Pegawai
19. Penalti am
20. Pemansuhan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU
(MAJLIS PERBANDARAN KULIM) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Perbandaran Kulim dengan ini membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Kulim) 2009.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Kulim.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“haiwan” termasuklah kuda, lembu, sapi, kerbau, kambing, biri-biri, khinzir (babi), gajah dan binatang ternakan yang mana termasuklah ayam, itik, ayam belanda, angsa, burung atau binatang ternakan yang lain;

“kandang haiwan” ertinya mana-mana bangunan yang digunakan atau dicadangkan untuk digunakan bagi maksud memelihara haiwan;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Kulim;

“Pegawai” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang diberi lesen di bawah Undang-undang Kecil ini atau di bawah undang-undang yang lain;

“pemunya” ertinya tuan punya haiwan, orang yang memelihara haiwan atau orang yang menjaga haiwan;

“premis berlesen” ertinya mana-mana premis yang dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil ini atau di bawah undang-undang lain dan hendaklah termasuk tanah yang bersangkutan dengannya;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Perbandaran Kulim;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Lesen memelihara haiwan

3. (1) Tiada tempat di dalam kawasan Majlis boleh digunakan oleh mana-mana orang bagi maksud memelihara haiwan tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-undang Kecil ini.

(2) Majlis boleh melesenkan mana-mana tempat di dalam kawasan Majlis bagi maksud memelihara haiwan dan lesen ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh ditetapkan atau dikenakan di dalamnya.

(3) Tiap-tiap permohonan untuk lesen memelihara haiwan hendaklah menggunakan borang yang ditetapkan dalam Borang "A" Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan suatu pelan yang menunjukkan tapak binaan dan keluasan tanah yang bersangkutan dengannya.

(4) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan oleh Majlis untuk menggunakan mana-mana tempat sebagai suatu kandang haiwan hendaklah dibuat dalam Borang "B" Jadual Pertama.

Tempoh lesen

4. (1) Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa dari tarikh pembayaran fi lesen yang tidak kurang dari dua belas bulan dari tarikh kuat kuasa dan hendaklah diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

(2) Walauapapun di dalam Undang-undang Kecil ini, Majlis boleh mengeluarkan lesen yang sah berkuatkuasa selama tempoh tidak lebih dari tiga puluh enam bulan dari tarikh kuat kuasa lesen berkenaan.

Budi Bicara Yang Dipertua

5. Yang Dipertua boleh, menurut budi bicaranya enggan memberi atau membaharui, membatalkan, memotong atau menggantung sesuatu lesen, meminda atau mengubah tempoh had dan syarat lesen tanpa memberi sebarang sebab.

Kandungan Lesen

6. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah menyatakan nama pemegang lesen, letaknya premis, alamat pos dan bilangan haiwan yang dibenarkan dipelihara di dalamnya.

Lesen hendaklah dipamerkan

7. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah sentiasa mempamerkan lesennya pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat di premis yang dilesenkan itu yang mana hendaklah bebas dimasuki oleh mana-mana pegawai Majlis pada bila-bila masa untuk diperiksa. Mana-mana orang yang tidak mematuhi peruntukan ini tanpa sebab yang munasabah melakukan suatu kesalahan yang apabila disabitkan, hendaklah didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pelanggaran Undang-Undang Kecil atau terma dan syarat

8. Majlis boleh dalam mana-mana kes jika berlaku apa-apa pelanggaran terhadap Undang-undang Kecil ini atau syarat-syarat yang ditetapkan atau dikenakan ke atas sesuatu lesen, membatalkan atau menggantung lesen itu selama tempoh mengikut budi bicara yang difikirkan patut.

Fi lesen

9. (1) Fi bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah peruntukan undang-undang kecil 6 hendaklah menurut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dengan syarat—

(a) fi yang kena dibayar bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan selepas 30hb. Jun dalam mana-mana tahun hendaklah separuh daripada kadar yang dikenakan bagi setahun menurut Jadual tersebut; dan

(b) fi yang dibayar bagi sesuatu lesen tidak boleh dibayar balik apabila sesuatu lesen itu dibatalkan atau digantung.

(2) Majlis boleh mengubah kadar fi lesen itu dari semasa ke semasa tetapi perubahan itu hendaklah tidak boleh melebihi kadar yang ditetapkan dalam Jadual tersebut.

Permit untuk memindah atau mengangkut haiwan

10. (1) Tiada haiwan boleh dipindah atau diangkut ke dalam atau di dalam kawasan Majlis tanpa sesuatu permit seperti di dalam Borang "C" Jadual Pertama yang dikeluarkan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua:

Dengan syarat bahawa Undang-undang Kecil ini tidaklah terpakai bagi haiwan dalam transit.

(2) Sesuatu permit boleh dikeluarkan dengan bayaran sebanyak sepuluh ringgit.

(3) Pemunya mana-mana haiwan yang melanggar peruntukan perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini.

(4) Mana-mana haiwan yang dipindah atau diangkut di dalam kawasan Majlis tanpa sesuatu permit sedemikian boleh dengan serta-merta disita oleh Yang Dipertua atau pegawai dan dibawa ke rumah bantai awam atau tempat mengurung binatang untuk disembelih atau dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(5) Hasil sembelihan mana-mana haiwan yang disembelih di bawah peruntukan perenggan (4) hendaklah dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan hasil daripadanya hendaklah disimpan oleh Majlis sementara mendapat keputusan mengenai pelupusannya di bawah perenggan (6).

(6) Sekiranya suatu sabitan direkodkan di bawah peruntukan perenggan (3) maka hasil sepertimana yang disebutkan di perenggan (5) hendaklah dirampas oleh Majlis tetapi jika sebaliknya, hasil sedemikian hendaklah dibayar balik kepada pemunya atau kepada mana-mana orang lain seperti yang diperintahkan oleh mahkamah.

Haiwan yang merayau

11. (1) Pemunya atau pemegang lesen yang membiarkan mana-mana haiwan merayau-rayau atau berkeliaran di mana-mana tempat dalam kawasan Majlis dan di luar daripada premis berlesen adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini.

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai boleh menyita atau menembak haiwan yang menjadi hal perkara kesalahan di bawah peruntukan perenggan (1) dan hendaklah dengan serta merta dibawa ke rumah sembelih atau tempat mengurung binatang untuk disembelih atau dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(3) Mana-mana haiwan yang telah disita atau ditahan, jika tidak dituntut dalam masa tujuh hari, boleh disembelih atau dilupuskan dengan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(4) Tiada apa-apa pampasan atau ganti rugi kena dibayar bagi mana-mana haiwan yang disembelih atau dilupuskan di bawah Undang-undang Kecil ini.

Kuasa untuk mengkompaun

12. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai boleh menawar atau membenarkan untuk dikompaun mana-mana kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini dengan sejumlah wang tidak melebihi tiga ratus ringgit dengan memberi notis seperti dalam Borang "D" Jadual Pertama:

Dengan syarat bahawa mana-mana haiwan yang disita dan ditahan boleh didapatkan balik oleh pemunya dengan membayar suatu bayaran tidak kurang daripada lima puluh ringgit seekor dan bagi tiap-tiap hari selepas itu bayaran tambahan sebanyak dua puluh ringgit bagi seekor haiwan:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa jika haiwan yang sama juga disita dan ditahan berikutnya maka bayaran yang dikenakan hendaklah dinaikkan kepada satu ratus ringgit bagi seekor haiwan tertakluk kepada bayaran maksimum sebanyak tiga ratus ringgit seekor.

Keperluan kesihatan dan kebersihan

13. (1) Lantai bagi semua premis berlesen hendaklah dilapiskan dengan konkrit atau bahan tidak telap air yang lain yang diluluskan oleh Yang Dipertua dan hendaklah dicuram dengan betul ke parit. Parit itu hendaklah dibina menurut kehendak dan penentuan yang diluluskan oleh Majlis.

(2) Tinggi sesuatu kandang haiwan hendaklah tidak kurang daripada tiga meter yang diukur daripada lantai ke cucur atap.

(3) Hendaklah ada sesuatu ruang yang lapang di sekeliling kandang haiwan itu yang tidak kurang daripada lima meter lebarnya diukur daripada tiang luar sempadan premis berlesen itu.

(4) Sesuatu kandang haiwan hendaklah dibina sedemikian rupa sehingga terdapat ruang lantai bagi—

(a) tiap-tiap seekor kuda, lembu atau kerbau yang dipelihara di dalamnya tidak kurang daripada tiga meter panjangnya dan satu setengah meter lebarnya; dan

(b) tiap-tiap sepuluh ekor khinzir, kambing biri-biri atau kambing yang dipelihara di dalamnya tidak kurang daripada empat puluh lapan meter persegi;

dan ruang itu bagi tiap-tiap satunya tidaklah termasuk ruang yang digunakan untuk menyimpan makanan, tempat palung makanan atau parit tengah atau parit tepi premis berlesen itu.

(5) Permukaan lantai bagi sesuatu kandang haiwan itu hendaklah tidak kurang daripada satu pertiga meter lebih tinggi daripada paras purata ruangan lapang itu.

(6) Dinding bagi sesuatu kandang haiwan itu hendaklah licin permukaannya dan penjurunya hendaklah dilengkok.

(7) Semua kotoran cecair daripada kandang haiwan itu hendaklah dimendapkan dalam suatu tangki enapan yang direka bentuk dengan sewajarnya sebelum dilepaskan ke dalam suatu saluran air yang diluluskan.

(8) Peredaran udara bagi premis berlesen itu hendaklah disediakan hingga memuaskan hati Yang Dipertua dan hendaklah mempunyai hubungan terus dengan udara luar.

(9) Tanah yang bersangkutan dengan sesuatu kandang haiwan itu hendaklah dilingkari dengan pagar hingga memuaskan hati Yang Dipertua.

(10) Ruangan lapang di sekeliling kandang haiwan itu dan mana-mana juga di premis berlesen itu hendaklah berturap logam, atau ditarkan dan diparitkan hingga memuaskan hati Yang Dipertua. Kawasan berturap yang tidak kurang daripada 1/12 daripada kawasan lantai kandang haiwan itu hendaklah diperuntukkan bagi membasuh haiwan yang dipelihara di dalamnya.

(11) Suatu kandang yang berasingan hendaklah disediakan hingga memuaskan hati Yang Dipertua bagi tujuan memerah susu haiwan itu.

(12) Bekalan air yang secukupnya hendaklah disediakan hingga memuaskan hati Yang Dipertua di premis berlesen itu.

(13) Segala sampah sarap dagangan, habuk sapuan dan benda lain yang merbahaya atau mengganggu hendaklah dibuang daripada premis berlesen itu supaya premis berlesen itu pada setiap masa berada dalam keadaan bersih dan selamat dari segi kesihatan.

(14) Suatu bekas yang sesuai atau bekas untuk sampah sarap kandang haiwan hendaklah disediakan dalam premis berlesen itu. Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah dibuat mengikut cara dan daripada bahan dan diselenggara setiap masa mengikut cara dalam satu keadaan supaya dapat mencegah isi kandungan dari terlepas ke tanah atau ke kawasan sekeliling. Bahagian bawah bekas atau bekas-bekas itu hendaklah tidak kurang setengah meter lebih tinggi daripada permukaan tanah yang berdampingan.

(15) Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah ditutup dengan baik.

(16) Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah mempunyai ruang tidak kurang daripada setengah meter padu bagi seekor haiwan yang dipelihara dalam kandang haiwan itu.

(17) Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah mudah dipindahkan dan dilapik hingga memuaskan hati Yang Dipertua dengan keping-keping logam atau bahan-bahan tidak telap air yang lain.

(18) Tiada sesiapa pun yang menghidap penyakit kulit atau apa-apa penyakit lain yang pada pendapat Yang Dipertua terdapat kemungkinan bahaya jangkitan atau merebak, boleh tinggal, diambil bekerja atau berada dalam atau di mana-mana premis berlesen itu.

(19) Pemegang lesen hendaklah dengan segera memberitahu Yang Dipertua atau Pegawai Veterinar sekiranya terjadi apa-apa wabak penyakit haiwan yang luar biasa.

(20) Tiada premis berlesen boleh mempunyai suatu bilik kediaman atau tempat tidur bagi manusia.

(21) Tiada perniagaan selain daripada pemeliharaan haiwan dan perniagaan yang berkaitan atau berhubungan dengan haiwan, boleh dijalankan dalam premis berlesen tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

Kuasa memasuki premis

14. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai hendaklah pada masa yang munasabah bebas memasuki mana-mana bahagian premis berlesen bagi maksud pemeriksaan.

(2) Yang Dipertua pada bila-bila masa boleh mengarahkan supaya—

- (a) apa-apa barang yang dijumpai dalam premis berlesen dipindahkan dari premis tersebut;
- (b) dinding, lantai dan siling premis berlesen hendaklah dibersihkan dan dibasuh seberapa kerap sebagaimana diarahkan; dan
- (c) semua sampah dalam premis berlesen dikumpul dan dibuang atau dimusnahkan mengikut apa-apa cara sebagaimana diarahkan.

Kuasa mengenyahkan Undang-Undang Kecil

15. Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya yang mutlak mengenyahkan mana-mana kehendak Undang-undang Kecil ini dan boleh mengenakan apa-apa syarat tambahan lain sebagaimana yang difikirkan patut.

Menghalang pegawai dalam menjalankan tugas

16. Mana-mana orang yang tanpa apa-apa alasan yang munasabah menghalang, mengganggu, menyerang atau membantu menghalang, mengganggu atau menyerang mana-mana pegawai atau mana-mana orang yang membantu pegawai sedemikian dalam menjalankan tugasnya di bawah Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

Kuasa menangkap

17. Mana-mana pegawai bolehlah tanpa waran menangkap mana-mana orang yang secara munasabahnyanya disyaki melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini menurut peruntukan seksyen 121 Akta.

Tiada tanggungan atas pegawai

18. Tiada apa-apa tanggungan boleh dikenakan ke atas Majlis atau mana-mana pegawai kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang berbangkit dari perjalanan kuasa-kuasa yang sah di bawah Undang-undang Kecil ini dan pegawai itu tidak boleh dikenakan apa-apa jua tindakan, dakwaan, tanggungan atau tuntutan apa jua pun yang berbangkit dari perjalanan kuasa-kuasa tersebut yang sah.

Penalti am

19. Mana-mana orang yang bersalah atas mana-mana kesalahan terhadap Undang-undang Kecil ini yang tiada apa-apa penalti yang diperuntukkan baginya, boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pemansuhan

20. Undang-Undang Kecil Lembu Kerbau Merayau (Majlis Daerah Kulim) 1993 adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA

BORANG "A"

[undang-undang kecil 3(3)]

PERMOHONAN SUATU LESEN

Saya dengan ini memohon suatu lesen untuk menggunakan tempat yang dinyatakan di bawah ini sebagai kandang haiwan dan saya aku janji mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah Undang-undang Kecil tersebut atau apa-apa syarat lain yang ditetapkan atau dikenakan oleh Yang Dipertua:

(a) Butir-butir mengenai pemohon:

(i) Nama penuh:
(Dengan Huruf Besar)

(ii) Alamat pos :
.....

(iii) No. Kad Pengenalan:

(iv) Tarikh Lahir:

(b) Butir-butir mengenai tanah dan premis yang hendak dilesenkan:

(i) Nama tuan tanah:

(ii) Alamat:

(iii) No. Lot: (iv) Mukim:

(v) Bil. Premis:

(vi) Letaknya:

(c) Butir-butir mengenai haiwan yang hendak dipelihara:

(i) Jenis:

(ii) Bilangan:

Suatu pelan tapak binaan dan tanah yang berkaitan dengannya adalah dikembarkan bersama-sama.

Tarikh:

.....
Tandatangan Pemohon

BORANG "B"

[undang-undang kecil 3(4)]

Bil. Lesen:

LESEN MEMELIHARA HAIWAN

Adalah dengan ini dibenarkan bahawa premis yang butir mengenainya seperti berikut dilesenkan tertakluk kepada Undang-undang Kecil tersebut dan syarat yang dikenakan terhadapnya:

(i) Nama Penuh Pemunya:
(Dengan Huruf Besar)

(ii) Alamat Pos:

(iii) No. Kad Pengenalan:

(iv) No. Lot: (v) Mukim:

(vi) Bil. Premis:

(vii) Lokasi:

(viii) Jenis dan Bilangan Haiwan yang dibenarkan dipelihara:
.....

2. Lesen ini tertakluk kepada syarat-syarat tambahan seperti berikut (jika ada)—

(i)

(ii)

(iii)

Fi sebanyak RM: Resit No.:

Tarikh dikeluarkan dan lesen ini akan
tamat tempohnya pada

Tarikh:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim

Kepada:

.....

BORANG "C"

[undang-undang kecil 10(1)]

No. Permit:

PERMIT UNTUK MEMINDAH ATAU MENGANGKUT HAIWAN

Adalah dengan ini dibenarkan:
 (Dengan Huruf Besar)

No. Kad Pengenalan:beralamat di:

.....
 (Alamat Pos)

untuk memindah dan mengangkut haiwan ke dalam atau di dalam kawasan
 Majlis Perbandaran Kulim. Butir mengenainya adalah seperti berikut:

(a) Cara memindah atau mengangkut:

No. Kenderaan:

Jenis dan bilangan haiwan:

(b) Tempat: Daripada:

Ke:

(c) Tarikh pemindahan atau pengangkutan:

2. Permit ini adalah sah bagi tarikh yang tersebut di atas sahaja.

Tarikh dikeluarkan:

Yang Dipertua
 Majlis Perbandaran Kulim

Kepada:

.....
.....
.....

BORANG "D"

[undang-undang kecil 12]

TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Apabila menjawab sila sebutkan rujukan kami:

Tuan/Puan,

Suatu laporan telah dibuat terhadap anda kerana melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Kulim) 2009.

Tarikh: Masa: pagi/petang

Tempat:

Kesalahan:

(Catatkan Butir-butir Kesalahan)

2. Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang diberikan kepada saya oleh Undang-undang Kecil tersebut, saya bersedia mengkompaun kesalahan ini sebanyak RM.....

(Ringgit Malaysia:)

Jika tawaran ini diterima, bayaran boleh dibuat dengan mengirimi *wang tunai atau kiriman wang atau wang pos ke pejabat tersebut di atas dan suatu resit rasmi akan dikeluarkan.

3. Tawaran kompaun ini berkuat kuasa selamahari sahaja daripada tarikh pengeluaran notis ini dan jika jawapan tidak diterima dalam tempoh tersebut, tindakan saman akan diambil terhadap anda.

Bertarikh pada: tahun.....

.....
Yang Dipertua/Pegawai
Yang Diberi Kuasa

(*) Potong mana yang tidak berkenaan

JADUAL KEDUA

[undang-undang kecil 9]

FI LESEN

Bagi satu premis berlesen untuk memelihara haiwan:

	(RM) Tidak Melebihi
1. Lembu/Kerbau/Kuda/Khinzir:	
(a) Tidak melebihi 5 ekor	20.00 setahun
(b) 6 – 15 ekor	50.00 setahun
(c) 16 – 50 ekor	70.00 – 100.00 setahun
(d) melebihi 50 ekor	100.00 – 300.00 setahun
2. Kambing/Biri-biri:	
(a) Tidak melebihi 5 ekor	5.00 setahun
(b) 6 – 15 ekor	12.00 setahun
(c) 16 – 50 ekor	50.00 – 70.00 setahun
(d) melebihi 50 ekor	70.00 – 200.00 setahun
3. Binatang ternakan:	
(a) Tidak melebihi 30 ekor	Percuma
(b) 31 – 50 ekor	3.00 setahun
(c) 51 – 100 ekor	8.00 setahun
(d) 101 – 500 ekor	15.00 setahun
(e) melebihi 500 ekor	20.00 – 200.00 setahun

Dibuat pada 12 April 2009
[MPKK.BUU.008002/SP UUKPBTNK/132]

Bertarikh 20 Oktober 2010
[PSU(K) 98/1396 Jld. 8 SK. 19]

*Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim*

ABD. RASHID BIN OTHMAN
*Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

STRAY ANIMALS (KULIM MUNICIPAL COUNCIL)
BY-LAWS 2009

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-Laws

1. Citation, application and commencement
2. Interpretation
3. Licence for keeping animals
4. Period of licence
5. Discretionary powers of the President
6. Contents of licence
7. Licence should be displayed
8. Breach of By-laws or terms and conditions
9. Licence fees
10. Permit to remove or transport animals
11. Stray animals
12. Power to compound
13. Health and cleanliness requirements
14. Power to enter premises
15. Power to waive By-laws
16. Obstructing an officer in the performance of duties
17. Power of arrest
18. Non liability of Council or its officer
19. General penalty
20. Repeal

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE